

Headline	Tahap kesedaran HIV, Aids masih rendah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	32	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	143 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,261
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,783



## 'Tahap kesedaran HIV, Aids masih rendah'

**K**UALA LUMPUR: Ki-ra-kira 3,000 hingga 4,000 penduduk di negara ini disahkan positif HIV Aids setiap tahun dan daripada majoriti membabitkan golongan susah yang kurang bernasib baik daripada segi kewangan.

Pengerusi Yayasan Aids Malaysia (MAF), Prof Dr Adeeba Kamarulzaman (*gambar*) berkata, jumlah itu amat membimbangkan dan masih pada kategori kritikal kerana menunjukkan tahap kesedaran masyarakat masih rendah mengenai hal berkenaan.

"Setakat ini, bilangan pesakit HIV Aids di seluruh negara mencecah 92,000 orang dan dikhuatiri jumlah ini meningkat kerana tahap kesedaran yang masih kurang terutama membabitkan golongan susah.

"Sehubungan itu, pihak kami akan menganjurkan majlis makan malam khas pada 22 Mac ini yang bertujuan mengumpul dana bagi disalurkan kepada MAF untuk tujuan rawatan kepada mereka selain turut disumbangkan kepada Projek Kemiskinan Global (GPP)," katanya pada sidang media selepas mengumumkan mengenai majlis itu.

Hadir sama, Presiden Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Sapura, Datuk Seri Shahril Shamsudin; Ketua Eksekutif Kumpulan Kencana, Datuk Mokhzani Mahathir; Ketua



Pegawai Eksekutif Litar Antarabangsa Sepang (SIC), Datuk Ahmad Razlan Ahmad Razali, dan Ketua Pegawai Operasi Live Music Entertainment, Rio Kader.

Beliau berkata, majlis itu dijangka dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, selaku patron bagi majlis makan malam kebajikan itu.

Katanya, pada majlis berkenaan pihaknya menjangkakan menyumbang RM2 juta kepada kedua-dua pertubuhan terbabit dalam usaha membendung penularan penyakit berkenaan.

Majlis ditaja sepenuhnya Kumpulan Kencana serta Kumpulan Sapura yang prihatin mengenai penularan penyakit itu.

Selain itu, ia diserikan dengan kehadiran menteri kabinet, jurulatih F1, pemandu F1, penggiat seni muzik, fesyen dan filem tempatan dan antarabangsa.